

**MOTIF FLORA, FAUNA DAN GEOMETRIK DALAM SENIREKA  
TEKSTIL, DI SEMENANJUNG MALAYSIA  
(SATU KAJIAN KES TERHADAP BATIK DAN TENUNAN)**

**OLEH**

**NORAZMAH BTE BAKAR**

**91264748**

**JABATAN SENIREKA TEKSTIL  
KAJIAN SENILUKIS DAN SENIREKA  
INSTITUT TEKNOLOGI MARA  
SHAH ALAM SELANGOR DARUL EHSAN**

## **PENGHARGAAN**

Di sini saya ingin mengucapkan rasa kesyukuran yang tidak terhingga atas kurniaan Allah S.W.T. yang telah memberikan saya kesempatan untuk menjalankan tugas ini dengan sempurna. Walaupun terdapat sedikit kecacatan, namun sebagai manusia biasa saya turut mengakui kelemahan itu.

Berbekalkan semangat yang kental dan keazaman yang kuat, saya cuba juga untuk menyempurnakan tesis dengan sebaik mungkin. Memang tidak dapat dinafikan banyak cabaran dan dugaan yang harus ditempuhi sepanjang saya terlibat dalam penyelidikan ini. Namun, saya bersyukur kerana segalanya dapat diatasi dengan baik.

Di samping itu juga, saya ingin merakamkan jutaan terima kasih kepada “emak” dan “ayah” tercinta yang terus menggalakkan saya agar terus belajar walaupun di dalam keadaan yang serba kepayahan. Dorongan serta doa restu mereka sepanjang saya berada di sini tetap saya sematkan di dada ini. Sesungguhnya mereka adalah sumber inspirasi yang terulung yang terbaik pernah saya temui.

Ribuan terima kasih sekali lagi di atas berkat ketabahan menerima hakikat bahawa anak mereka yang satu ini tidak dapat meluangkan masa waktu yang cukup semata-mata untuk melihat tesis ini diselesaikan dengan jayanya. Sesungguhnya, waktu yang berlalu itu teramat berharga dan tidak dapat berulang kembali. Di sini saya mengenali hidup sebenar yang sering menuntut sebuah kesabaran, ketabahan, kecekalan dan keinsafan. Tanpa pengertian mereka semua, tidak mungkin saya dapat berdiri di sini pada saat ini.

Tidak lupa juga buat insan ‘teristimewa’ yang jauh. Sesungguhnya anda merupakan sumber inspirasi yang kukuh dan bayangan anda sering mendorong saya untuk gigih dan tabah menghadapi cabaran ini. Jasamu akan tetap saya kenang selalu. Sesungguhnya hidup ini tidak semudah yang disangkakan?

## **PENDAHULUAN**

Alhamdulillah dengan izin Allah dan limpah kurnianya juga berkat dorongan dari mereka-mereka yang sentiasa hampir dengan saya, kedua ibu bapa saya, juga sumbangan dan bantuan dari pihak-pihak yang terbabit dapatlah saya melaksanakan tesis ini dengan jayanya.

Tesis yang berjudul “Motif flora, fauna dan geometrik dalam senireka tekstil (satu kajian kes terhadap batik dan tenunan) di Semenanjung Malaysia,” ini adalah merupakan objek pengkajian saya di mana saya cuba mengkaji tanggapan-tanggapan umum terhadap kemampuannya sebagai satu sumber rekacorak. Ianya juga meliputi ketrampilan sebagai satu motif yang asas di dalam rekacorak.

Umumnya, penyelidikan satu meliputi kawasan-kawasan sekitar Kuala Lumpur, Kelang, Shah Alam, Rawang dan sekitar Selangor. Di samping itu juga saya cuba mencari pelbagai sumber rujukkan lain yang dirasakan dapat membantu saya melengkapkan isi kandungan tesis kali ini.

Antaranya termasuklah mendapat khidmat daripada para pereka tekstil di sekitar Kuala Lumpur. Tidak ketinggalan juga para peniaga dan pihak-pihak yang terbabit di sekitar Central Market. Tidak lupa kepada orang ramai yang telah sudi untuk diwawancara. Sesungguhnya mereka semua merupakan “nadi” penggerak ke arah pelaksanaan tesis ini.

Di samping itu juga saya sempat menemuramah beberapa pereka fesyen di sekitar Kuala Lumpur untuk mendapatkan pandangan mereka terhadap penggunaan motif flora, fauna dan geometrik sebagai sumber rekacorak. Apatah lagi, mereka merupakan golongan yang sering terdedah kepada aneka fabrik dan rekacorak. Mereka adakah golongan yang lebih arif tentang rekacorak yang bagaimana sesuai untuk seseorang individu berdasarkan suasana yang dihadiri.

## ISI KANDUNGAN

	Muka surat
Penghargaan	V
Pendahuluan	VII
Sinopsis	XI
<b>Bab 1</b>	
1.0 Pengenalan	2
1.1 Sebab-sebab pemilihan tema	2
1.2 Sejarah latarbelakang Batik dan Tenunan	5
1.2.1 Batik dan pengaruh Indonesia	5
1.2.2 Tenunan dan perkembangannya	8
1.3 Pengertian motif dan rekacorak senireka Melayu	12
1.4 Motif dan rekacorak flora, fauna dan geometrik dalam senireka tekstil	15
<b>Bab 2</b>	
2.0 Motif dan rekacorak batik	21
2.1 Batik cap	21
2.1.1 Motif flora dan fauna	22
2.1.2 Unsur geometrik	23
2.1.3 Unsur motif lain	24
2.1.4 Jenis-jenis rekacorak	25
2.2 Batik tulis tangan	26
2.2.1 Motif bunga, geometrik dan abstrak	27
2.2.2 Unsur motif geometrik	29
2.2.3 Penggabungan motif	29
2.2.4 Keunikkan motif flora	29
2.2.5 Susunan motif	30
2.3 Batik pareos dan perhiasan dinding	30
2.4 Sejauh mana keberkesanan motif flora, fauna dalam rekacorak batik	31
2.5 Perkembangan motif flora dan fauna dalam rekacorak batik.	41

## **1.0 PENGENALAN**

### **1.1 Sebab-Sebab Pemilihan Tema**

Perkembangan senireka batik dan tenunan di Semenanjung Malaysia semakin meningkat. Perkembangan ini telah menarik minat saya sebagai seorang pelajar tahun akhir Senireka Tekstil untuk mengkaji dan mendalami lagi ilmu yang berkaitan dengan batik dan juga tenunan.

Jika ditinjau dari segi rekacorak, motif flora begitu jelas sekali dalam senireka batik. Selain daripada itu terdapat juga motif-motif lain seperti motif unggas, rama-rama dan sebagainya. Kesemua motif dan rekacorak ini adalah bersumberkan alam sekeliling para pereka seni tekstil. Faktor inilah yang menyebabkan saya begitu tertarik untuk mengkaji dengan lebih mendalam lagi tentang motif-motif dan rekacorak dalam senireka batik.

Rekabentuknya yang kelihatan lebih organik dan gabungan motif-motif lain seperti geometrik menyerikan lagi rekacorak tersebut. Gabungan warna dan bentuknya yang bersifat floral dan bersumberkan alam sekitar menunjukkan kepekaan para pereka terhadap alam sekeliling. Pernahkah kita terfikir bahawa pekanya manusia terhadap alam sekitar mereka? Walaupun sesetengah daripada pereka seni ini tidak dapat menyumbang terhadap pemeliharaan alam sekitar tetapi mereka menyumbangkan kreativiti seni bersumberkan alam dalam karya tekstil mereka. Jadi apa yang saya akan paparkan dalam kajian dan penyelidikan saya ini adalah sebahagian untuk menghargai karya para pereka tekstil.

Melalui senireka tenunan pula, terutamanya tenunan songket, rekacorak dan motifnya juga bersumberkan alam sekeliling. Cuba kita perhatikan, cara tenunan songket